LIM AH LAK

lwn.

CHARAN SINGH A/L MOHAN SINGH & 1 LAGI

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
DATUK HAJI MOKHTAR BIN HAJI SIDIN H.
[GUAMAN SIVIL NO. S5-23-89-93]
22 JUN 1994

TORT: Kemalangan jalanraya - Plaintif dan defendan pertama memberi versi bertentangan bagaimana kemalangan berlaku - Versi mana yang betul - Rujukkan kepada keterangan oleh pegawai penyiasat - Kelewatan membuat laporan polis oleh plaintif - Sama ada penjelasan yang diberikan munasabah - Kecederaan yang dialami oleh plaintif - Keputusan atas kuantum untuk gantirugi am dan gantirugi khas.

Plaintif menuntut gantirugi daripada kedua-dua defendan berikutan satu kemalangan yang berlaku pada 29 Mei 1992 diantara motosikal yang ditunggang oleh plaintif dan sebuah lori kepunyaaan defendan kedua yang dipandu oleh defendan pertama. Mengikut keterangan plaintif, semasa ia sedang menunggang motosikalnya ia telah dilanggar dari belakang di sebelah kanan oleh lori tersebut.

Defendan pertama pula mengatakan bahawa motosikal itu telah memotong lorinya dan semasa motosikal tersebut cuba mengelakkan satu serpihan tayar di atas jalan ia telah melanggar pembahagi jalan di tepi jalan dan plaintif telah terjatuh dihadapan lorinya.

Diputuskan:

[1] Setelah meneliti keterangan yang diberikan oleh kedua-dua pihak, keterangan yang diberikan oleh plaintif adalah benar. Ini berasaskan keterangan oleh pegawai penyiasat yang menyatakan bahawa kerosakan yang didapati ke atas motosikal ialah di belakang sebelah kanan iaitu lampu belakang pecah, lampu isyarat sebelah kanan pecah dan nombor plet tepi sebelah kanan atas pecah. Gambar kerosakan motosikal yang dikemukakan oleh pegawai penyiasat mengesahkan di mana 'impact' ke atas motosikal.

[2] Walaupun plaintif telah lewat membuat laporan polis, penjelasannya bahawa ini adalah kerana ia telah dirawat di hospital untuk sekian lama dan apabila keluar ia sentiasa berulang-alik ke hospital untuk rawatan lanjut, adalah memuaskan dan munasabah.

[3] Atas keterangan-keterangan yang telah diberikan, kemalangan itu berlaku semata-mata di atas kecuaian defendan pertama. Oleh yang demikian liabiliti ke atas defendan adalah 100%.

[4] Plaintif diawadkan kuantum sebanyak RM119,000 sebagai gantirugi am untuk kecederaan yang dialaminya. Untuk gantirugi khas plaintif di beri kuantum sebanyak RM64,619.

[Penghakiman untuk plaintif dengan faedah dan kos].

Bagi pihak plaintif - B.S. Sidhu (Sharon Sidhu bersamanya); T/n. B.S. Sidhu & Co.
Bagi pihak defendan - K. Chandra; T/n. Chandra & Associates

ALASAN PENGHAKIMAN

Haji Mokhtar bin Haji Sidin H:

Ini adalah tuntutan plaintif untuk mendapatkan gantirugi daripada kedua-dua defendan di atas kemalangan yang berlaku pada 29 Mei 1992. Mengikut keterangan plaintif pada hari tersebut lebih kurang jam 6.25 petang ia sedang menunggang motosikal No. WBB 1801 di Jalan Kuching dari arah Kuala Lumpur ke Ipoh untuk balik ke rumahnya di Kepong dari tempat kerjanya di Petaling Jaya. Semasa itu ia sedang menunggang motosikalnya lebih kurang 2 - 3 kaki dari bahu jalan sebelah kiri. Semasa ia menunggang motosikal itu tiba-tiba ia telah dilanggar dari belakang oleh lori treler No. JAH 4705 yang dipandu oleh defendan pertama. Akibat dilanggar itu motosikal plaintif telah diheret dan seterusnya plaintif terjatuh dan motorsikalnya tercampak ke tepi jalan. Akibat dari kemalangan itu plaintif telah mengalami kecederaan yang teruk di mana ia dimasukkan dan dirawat di hospital untuk sekian waktu. Dia juga terpaksa menjalani beberapa pembedahan.

Mengikut keterangan plaintif semasa kemalangan itu berlaku cuaca adalah baik dan keadaan jalanraya adalah kering. Mengikut keterangan plaintif lagi ia telah dilanggar dari belakang di sebelah kanan. Plaintif mengakui yang ia telah lewat membuat laporan polis kerana ia telah dirawat di hospital untuk sekian lama dan apabila keluar ia sentiasa berulang-alik ke hospital untuk rawatan lanjut. Selepas sahaja plaintif membuat laporan polis, pegawai penyiasat telah pergi ke rumah plaintif dan memeriksa motorsikal WBB 1801 yang belum lagi diperbaiki.

Di dalam keterangannya pula defendan pertama tidak mengakui melanggar motosikal plaintif. Sebaliknya ia menyatakan yang motosikal itu telah memotong lori trelernya dan setelah memotong lorinya motosikal tersebut cuba mengelakkan satu serpihan tayar di atas jalan dan melanggar pembahagi jalan di tepi jalan dan plaintif telah terjatuh di hadapan lori. Akibatnya plaintif telah diheret untuk beberapa jauh sehingga ia dapat memberhentikan lori trelernya. Defendan telah membuat laporan polis pada keesokan harinya.

Setelah meneliti keterangan yang diberikan oleh kedua-dua pihak saya berpendapat apa yang dinyatakan oleh plaintif adalah benar. Ini berasaskan keterangan oleh pegawai penyiasat yang menyatakan bahawa kerosakan yang didapati ke atas motosikal ialah di belakang sebelah kanan iaitu lampu belakang pecah, lampu isyarat sebelah kanan pecah dan nombor plet tepi sebelah kanan atas pecah. Gambar kerosakan motosikal yang dikemukakan oleh pegawai penyiasat mengesahkan di mana 'impact' ke atas motorsikal. Sungguhpun peguam defendan telah membangkitkan isu kerosakan 'chassis' yang dinyatakan di dalam bil membaiki motorsikal yang tidak ada disebut oleh pegawai penyiasat, adalah jelas kepada saya bahawa kerosakaan kepada chassis' itu tidak boleh dilihat dengan sekali imbas. Defendan juga telah menimbulkan isu berkenaan dengan kelewatan plaintif membuat laporan polis. saya berpuashati dengan penjelasan yang diberikan oleh plaintif. Berkenaan dengan pemeriksaan yang lewat ke atas motosikal plaintif oleh pegawai penyiasat, adalah jelas kepada saya beliau tidak berbuat demikian kerana tidak mengetahui di mana motosikal itu berada.

Apabila sahaja laporan dibuat pegawai penyiasat telah pergi ke rumah plaintif untuk membuat pemeriksaan kerosakan ke atas motosikal.

Setelah meneliti keterangan yang telah diberikan oleh kedua-dua pihak saya berpendapat bahawa kemalangan itu berlaku semata-mata di atas kecuaian defendan pertama. Di atas sebab yang dinyatakan saya berpendapat liabiliti ke atas defendan adalah 100%.

Keputusan ke atas kuantum:

Kecederaan yang dialami oleh plaintif akibat kemalangan tersebut adalah dinyatakan di dalam dokumen-dokumen di dalam laporan-laporan eksibit P2, P3 dan P4. Sungguhpun di awal perbicaraan defendan tidak mempersetujui dokumen-dokumen tersebut, pegawai-pegawai perubatan yang menyiapkan laporan-laporan tersebut telah memberi keterangan dan dokumen-dokumen telah diterimamasuk sebagai eksibit. Dengan kemasukan dokumen-dokumen tersebut sebagai eksibit tidak perlu saya mengulangi kecederaan-kecederaan tersebut. Apa yang jelas kepada saya ialah plaintif mengalami beberapa kecederaan di sebelah bawah badannya termasuk kecederaan-kecederaan dalaman.

Pada pendapat saya kuantum bagi kecederaan-kecederaan adalah seperti berikut:

A. *Gantirugi Am:*

1. **Deep perineal lacerations:**
Saya bersetuju dengan jumlah yang dinyatakan di dalam kes *Wong Yee Cheong & Anor. v. Toh Seng Chuan* [1988] 2 MLJ xxx iaitu sebanyak — RM 2,000.00

2. **Ruptured membranous urethra:**
Saya memberikan gantirugi — RM 20,000.00

3. **For the fracture of pubic vain:**
Saya berpendapat jumlah gantirugi bagi kecederaan ini ialah — RM 7,000.00

4. **For the bladder incontinence and inability to have sex, plaintiff likely to remain impotent and sterile:**
Pada pendapat saya kes *Kasirin bin Kasmani v. The Official Administrator* [1991] 3 CLJ 2498 terpakai. Di dalam kes itu plaintif telah lumpuh tetapi di dalam kes ini plaintif tidak lumpuh. Dengan itu saya memberikan gantirugi — RM 70,000.00

5. **Rupture of the anal sphincters**
(termasuk pembelian beg-beg):
Saya memberikan gantirugi — RM 20,000.00

RM119,000.00

b. Gantirugi Khas:

a. Makanan tambahan dan berkhasiat — RM 2,000.00

b. Perbelanjaan pengangkutan (untuk keluarga dan plaintif sendiri) — RM 2,000.00

c. Pembedahan masa depan — RM 3,000.00

d. Kerosakan pada motosikal — RM 319.00

e. Kehilangan pendapatan:

Saya mendapati plaintif tidak boleh dikatakan tidak berkeupayaan untuk bekerja langsung. Yang jelas ia tidak bekerja berat. Inipun bukannya tidak boleh tetapi akan menyulitkan beliau iaitu kencingnya keluar sendiri dan mungkin berak. Saya juga tidak membezakan gantirugi sebelum dan selepas perbicaraan. Pada pendapat saya gantirugi ditaksirkan ialah 55 tolak 35 dibahagi 2 pada kadar RM300 — RM36,000.00

f.	Seluar, baju, kasut dan topi keledar	RM 300.00
g.	Beg penampung najis dari sekarang sehingga akhir hayatnya	RM10,000.00
h.	Kos ke atas Kotex: Adalah jelas mengikut keterangan pegawai perubatan adalah mencukupi untuk plaintif menggunakan kapas dan tidak perlu membeli Kotex. Dengan itu saya memberikan pembelian kapas sebanyak	RM 1,000.00
i.	Berkenaan pembedahan untuk mengeluarkan kencing: Pegawai perubatan menyatakan plaintif selepas dua tahun tidak ad a mengulangi pembedahan ini. Plaintif sendiri tidak berminat membuat pembedahan berkenaan. Pegawai perubatan juga mengesahkan pembedahan di hospital adalah lebih murah iaitu RM150 tiap-tiap pembedahan. Dengan itu saya memperuntukkan belanja pembedahan bagi plaintif bagi baki umurnya	RM10,000.00
		RM64,619.00

Item-item a, b, c, d dan f dikenakan kadar 4% daripada tarikh kejadian sehingga penghakiman dan selepas itu 8% dari tarikh penghakiman sehingga selesai pembayaran dibuat.

Gantirugi dikenakan kadar faedah 8% dari tarikh penghakiman hingga selesai pembayaran dibuat.